KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 MAC 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 16

# Emraz Travel sekali lagi gagal patuhi award TTPM

## Pengarah, syarikat hadapi 16 pertuduhan di Mahkamah Majistret Johor Bahru

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru**: Pengarah dan syarikat pengendali pakej umrah, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd, didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas 16 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) untuk membayar balik tuntutan wang berjumlah RM135,890 kepada lapan mangsa.

Pengarah Emraz Travel & Tours Sdn Bhd, Datuk Zulkarnain Endut, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Nur Fatin Mohamad Farid.

Seorang lagi pengarah syarikat itu, Datin Mazuin Mustafa, 43, yang juga isteri Zulkarnain, turut berdepan pertuduhan sama, tetapi tidak hadir kerana cuti sakit.



Zulkarnain tiba di Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam.
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Mengikut pertuduhan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd sebagai sebuah syarikat dan Zulkarnain selaku orang kena saman (OKS), didakwa gagal mematuhi award TTPM kepada lapan mangsa di negeri ini.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat TTPM di Menara Ansar, di sini, antara 24 Julai 2023 hingga 10 Januari lalu.

Zulkarnain didakwa mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun, jika sabit kesalahan.

### Sebutan semula kes 22 April

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd Sophian Zakaria, Suhana Mohd dan Shafiq Mahadi, manakala tertuduh diwakili oleh peguam, Datuk Hanif Hassan.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan memohon mahkamah mengenakan ikat jamin RM2,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

"Ini adalah kes kepentingan awam membabitkan lapan mangsa. Majoriti mangsa juga adalah warga emas.

"Mereka menggunakan wang simpanan untuk ke Tanah Suci. Ada juga menggunakan wang peninggalan arwah suami. Bayaran dibuat semua mangsa sejak Februari tahun lalu dan sepatutnya mereka menunaikan ibadah umrah pada Mac tahun lalu.

"Sebelum ini, OKS juga didakwa di Mahkamah Putrajaya atas 61 pertuduhan, seterusnya Mahkamah Majistret Kota Bharu (51 pertuduhan) dan Mahkamah Majistret Seremban (51 pertuduhan)," katanya.

Bagaimanapun, Hanif memohon jaminan tidak bercagar dikenakan memandangkan OKS tiada pendapatan sejak akhir-akhir ini.

Mahkamah kemudian menetapkan ikat jamin RM4,000 terhadap OKS dan memerintahkannya hadir melapor diri setiap bulan di pejabat KPDN Putrajaya.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 22 April bagi serahan dokumen dan pendakwaan terhadap seorang lagi pengarah syarikat itu yang bercuti sakit.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Pemborong jual ayam lebih harga maksimum didenda

**Kuala Kangsar:** Seorang pemborong didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah menjual ayam standard melebihi harga maksimum ditetapkan, Oktober tahun lalu.

Sharuddin Saidon, 54, yang membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rohaida Ishak turut berdepan hukuman empat bulan penjara, jika gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didapati menjual barangan harga terkawal, iaitu ayam standard dengan harga RM8.90 sekilogram (kg) melebihi harga borong maksimum ditetapkan oleh pengawal, iaitu RM8.10 sekilogram seperti mana di bawah Perenggan 3 Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No 12) 2022 di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Premis Ewanda Maju Berkat Enterprise beralamat di 27D, Jalan Besar, Padang Rengas di sini antara jam 6.30 hingga 7 pagi, 14 Oktober 2023.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18 (b) akta sama iaitu denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada 27 Oktober 2023, sepasukan Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kuala Kangsar membuat pemeriksaan terhadap premis pemborong ayam, iaitu KK Saga Enterprise, Lot 1026A, Kampung Kuala Dhal, Jalan Taiping Kuala Kangsar, Padang Rengas di sini.

Hasil pemeriksaan mendapati, premis itu memproses dan menjual ayam standard secara borong selain mempunyai lesen Berniaga Menjual Borong Ayam yang masih sah hingga 10 Oktober 2025, manakala sitaan dokumen-dokumen dibuat oleh pasukan serbuan.

Hasil pemeriksaan terhadap resit jualan No 07174 bertarikh 14 Oktober 2023 mendapati, premis itu menjual ayam standard pada harga RM8.90 sekilogram kepada peruncit bernama Syawal yang juga pemilik perniagaan Ewanda Maju Berkat Enterprise, sementara maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati KK Saga Enterprise dimiliki Sharuddin.

BERNAMA

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 30

# Gara-gara jual ayam mahal, pemborong didenda RM10,000

Oleh ASLIZA MUSA

**KUALA KANGSAR:** Gara-gara menjual ayam standard melebihi harga kawalan, seorang pemborong menerima padah apabila dijatuhi hukuman denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rohaida Ishak membuat keputusan itu selepas Orang Kena Saman (OKS), Sharuddin Saidon, 54, mengaku bersalah bagi pertuduhan berkenaan.

Lelaki itu turut berhadapan hukuman penjara empat bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut kertas pertuduhan, Sharuddin didakwa menjual barangan harga terkawal iaitu ayam standard dengan harga RM8.90 sekilogram melebihi harga borong maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal iaitu RM8.10 sekilogram seperti di bawah Perenggan 3 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No 12) 2022.

Kesalahan itu dilakukan lelaki tersebut di sebuah premis di Jalan Besar, Padang Rengas antara pukul 6.30 hingga 7 pagi, 14 Oktober 2023.

Pertuduhan terhadap OKS dikemukakan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18 (b) akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, Sharuddin yang tidak diwakili peguam memohon dikenakan hukuman denda minimum atas alasan perlu menanggung keluarga selain bercadang untuk membayar bonus kepada lima pekerja warga tempatannya.

Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Hasyutamee Khalil bagaimanapun memohon hukuman denda maksimum berikutan tindakan OKS menaikkan harga sebanyak 80 sen akan membebani kepada peruncit dan orang awam.

OKS membayar denda berkenaan.



SHARUDDIN Saidon dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar semalam kerana menjual ayam standard melebihi harga kawalan. – UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 12

# Emraz Travel sekali lagi didakwa

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Sebuah syarikat pengendali pakej umrah, Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd., bersama seorang pengarahnya didakwa di Mahkamah Majistret, di sini semalam bagi 16 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) untuk membayar balik tuntutan wang lapan individu berjumlah RM131,890.

Walau bagaimanapun, Datuk Zulkarnain Endut, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nur Fatin Mohamad Farid.

Seorang lagi pengarah syarikat, Datin Mazuin Mustafa, 43, yang juga isteri kepada Zulkarnain turut berdepan lapan pertuduhan tidak hadir ke mahkamah semalam kerana mengalami masalah kesihatan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Emraz Travel & Tours dan pengarahnya berdepan pertuduhan gagal mematuhi award TTPM yang memerintahkan supaya membayar RM131,890 kepada lapan individu di Pejabat TTPM di Menara Ansar, di sini antara 24 Julai 2023 hingga 10 Januari tahun ini.

Mereka didakwa di bawah Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd. Sophian Zakaria, Suhana Mohd. dan Shafiq Mahadi, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Datuk Hanif Hassan.

Pihak pendakwa raya memohon jaminan dikenakan RM2,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

"Mahkamah perlu mengambil kira keadaan kes ini yang membabitkan kepentingan awam melibatkan lapan mangsa, majoritinya merupakan warga emas. Menggunakan wang simpanan mereka ke Tanah Suci, ada yang menggunakan wang peninggalan arwah suami dan bayaran dibuat oleh semua mangsa sejak Februari tahun lalu yang sepatutnya menunaikan ibadah umrah pada Mac tahun lalu.

"Sebelum ini pendakwaan di Mahkamah Putrajaya atas 63 pertuduhan, seterusnya Mahkamah Majistret Kota Bahru atas 51 pertuduhan dan Mahkamah Majistret Seremban, 51 pertuduhan," katanya.

Sementara itu, Hanif memohon jaminan yang rendah memandangkan tiada pendapatan dijana syarikat dan tertuduh sejak akhir-akhir ini.

"Untuk makluman, semalam menerima notis daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang menghalangnya daripada menjadi pengarah kepada mana-mana syarikat. Keadaan ini, menyebabkan anak guam saya tidak mempunyai pendapatan dan akuan turut dibekukan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!

HARI: RABU

TARIKH: 20/3/2024

M/SURAT: 16

Menjual harga melebihi harga borong kawalan RM8.10 sekilogram

# Pemborong ayam didenda RM10,000

Oleh ASLIZA MUSA

KUALA KANGSAR – Gara-gara menjual ayam standard melebihi harga kawalan, seorang pemborong menerima padah apabila dijatuhi hukuman denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Rohaida Ishak membuat keputusan itu selepas orang kena saman (OKS), Sharuddin Saidon, 54, mengaku bersalah bagi pertuduhan berkenaan.

Lelaki itu turut berhadapan hukuman penjara empat bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut kertas pertuduhan, Sharuddin didakwa menjual barangan harga terkawal iaitu ayam standard dengan harga RM8.90 sekilogram melebihi harga borong maksimum yang ditetapkan oleh pengawal iaitu RM8.10 sekilogram seperti di bawah Perenggan 3 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penetapan Harga Maksimum) (No. 12) 2022.

Kesalahan itu dilakukan lelaki tersebut di sebuah premis di Jalan Besar, Padang Rengas antara pukul 6.30 hingga 7 pagi, 14 Oktober 2023.

Pertuduhan terhadap OKS dikemukakan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 16 akta sama.

Sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, Sharuddin yang tidak diwakili peguam memohon dikenakan hukuman denda minimum atas alasan perlu menanggung keluarga selain bercadang untuk membayar bonus kepada lima pekerjanya yang merupakan warga tempatan.

Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Haziyhantee Khalil bagaimanapun memohon hukuman denda maksimum berikutan tindakan OKS menaikkan harga sebanyak 80 sen akan membebankan kepada peruncit dan orang awam.

OKS membayar denda berkenaan.



SHARUDDIN (kiri) mengaku bersalah menjual ayam standard melebihi harga kawalan dan dijatuhi hukuman denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 16



PENGUAT kuasa KPDN Pulau Pinang merampas topi keledar tiruan di sebuah premis di Butterworth, semalam.

# 268 topi 'Arai' ciplak dirampas

**SEBERANG PERAI** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menyerbu sebuah premis menjual topi keledar ciplak dengan menggunakan jenama 'Arai' di Bukit Mertajam di sini, semalam.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, operasi tersebut dijalankan susulan aduan daripada wakil pemilik jenama yang popular dalam kalangan mat-mat motosikal berhubung kegiatan di premis itu.

"Hasil serbuan yang dijalankan, kita menemui 268 unit topi keledar jenama TSR yang mengandungi tanda karya seni Arai terdiri daripada pelbagai model, antaranya Nakano Shukiken Silver, Black Samurai dan Oriental Blue.

"Kesemua topi keledar bernilai RM70,240 itu kemudiannya disita untuk siasatan lanjut mengikut Akta Hak Cipta 1987," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau turut memberi amaran keras terhadap mana-mana individu atau syarikat berkaitan supaya sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan.

"Mana-mana individu yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM20,000 bagi setiap salinan langgaran atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan yang berikutnya, denda tidak lebih RM40,000 bagi setiap salinan langgaran atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 7

# Emraz dituduh gagal patuhi award TTPM

**JOHOR BAHRU** – Sebuah syarikat pengendali pakej umrah Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. bersama seorang pengarahnya didakwa di Mahkamah Majistret, di sini semalam atas 16 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Mereka sepatutnya perlu membayar balik tuntutan wang lapan individu berjumlah RM131,890.

Datuk Zulkarnain Endut, 43, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Majistret Nur Fatin Mohamad Farid.

Seorang lagi pengarah syarikat, Datin Mazuin Mustafa, 43, yang juga isteri kepada Zulkarnain turut berdepan lapan pertuduhan tidak hadir ke mahkamah kerana berdepan masalah kesihatan.

Mengikut kertas pertuduhan, Emraz Travel & Tours dan pengarahnya berdepan pertuduhan gagal mematuhi award TTPM yang memerintahkan supaya membayar RM131,890 kepada lapan individu yang merupakan pihak yang menuntut.



ZULKARNAIN

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang diketuai Mohd. Sophian Zakaria, Suhana Mohd. dan Shafiq Mahadi manakala tertuduh diwakili Datuk Hanif Hassan.

Pihak pendakwa raya memohon jaminan dikenakan sebanyak RM2,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

"Mahkamah perlu mengambil kira hal keadaan kes. Kes ini merupakan kes membabitkan kepentingan awam," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 19

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my



ARMIZAN ketika memberi ucapan di Dewan Rakyat, semalam.

DEWAN RAKYAT

# Kaji laksana 'Lemon Law'

**Kuala Lumpur**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan 'Lemon Law' bagi memperkasakan hak pengguna di negara ini untuk menuntut ganti rugi.

**Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali** berkata, ia dilaksanakan sekiranya pengguna menerima kenderaan bermotor yang rosak atau gagal mematuhi standard kualiti dan prestasi seperti dijanjikan pembekal serta tidak dapat dibaiki.

*Selepas kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat."*

Armizan

"Selepas kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan langkah kerja perundangan dilaksanakan," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Lim Lip Eng (PH-Kepong)** mengenai sama ada 'Lemon Law' akan diperkenalkan untuk melindungi hak pengguna dalam pembelian kenderaan baru dan terpakai sekiranya berlaku kerosakan.

Mengulas mengenai soalan tambahan Lip Eng agar 'Lemon Law' tidak perlu melalui prosiding undang-undang seperti tribunal dan mahkamah agar pengguna dapat menuntut ganti rugi mereka, Armizan berkata, cadangan dikemukakan itu satu opsyen yang boleh dilaksanakan.

"Apa yang dicadangkan oleh Kepong (Lip Eng) satu opsyen yang saya fikir kita boleh laksanakan sebagai tindakan segera sebelum kajian menyeluruh itu dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau dalam masa sama turut menyatakan kajian kebolehlaksanaan itu juga tidak bermakna kerajaan ingin memperkenalkan undang-undang baharu.

"Sama ada kita perkukuhkan akta perlindungan pengguna sedia ada dan pada masa sama kita tahu kajian ini mengambil masa.

"Kita dalam proses mempertimbangkan untuk meminda mana-mana undang-undang sedia (dan) memperkenalkan satu peraturan di bawah Akta 599 (Akta Perlindungan Pengguna 1999) untuk membolehkan proses tuntutan ini dibuat pada kadar segera," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 19

# KPDN sita 268 topi keledar jenama popular RM70k

**Bukit Mertajam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita 268 topi keledar berjenama yang popular di kalangan penggemar motosikal dalam serbuan, di sini.

**"Tindakan didapati melanggar Akta Hak Cipta 1987 dan sitaan dibuat terhadap kesemua barangan terbabit"**

Serbuan ke atas premis terbabit dijalankan bersama wakil pemilik hak cipta topi keledar berkenaan sebelum merampas kesemua barangan terbabit bernilai RM70,240.

Pengarah KPDN Pulau Pinang S Jegan berkata, pemeriksaan mendapati topi keledar berjenama TSR, namun mengandungi tanda karya seni ARAI.

Menurutnya, ia membabitkan pelbagai model antaranya Nakano Shukiken Silver, Black Samurai dan Oriental Blue.

"Tindakan itu didapati melanggar Akta Hak Cipta 1987 dan sitaan dibuat terhadap kesemua barangan terbabit bagi tindakan lanjut," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 20/3/2024

M/SURAT: 11

GAGAL BAYAR TUNTUTAN KEPADA 8 MANGSA

# Didakwa atas 16 pertuduhan lagi!

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru**

Pengarah dan syarikat pengendali umrah Emraz Travel & Tours Sdn Bhd didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, semalam atas 16 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar balik tuntutan wang berjumlah RM131,890 kepada lapan mangsa.

Bagaimanapun, Pengarah Emraz Travel & Tours Datuk Zulkarnain Endut *(gambar)*, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nur Fatin Mohamad Farid.

Seorang lagi pengarah syarikat berkenaan, Datin Mazuin Mustafa, 43, yang juga isteri kepada Zulkarnain, turut berdepan pertuduhan sama, namun tidak hadir kerana cuti sakit.

Mengikut pertuduhan, Emraz Travel & Tours sebagai sebuah syarikat dengan Zulkarnain selaku orang kena saman (OKS) berdepan pertuduhan gagal mematuhi award TTPM kepada lapan mangsa di negeri ini.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat TTPM di Menara Ansar, di sini, antara 24 Julai 2023 hingga 10 Januari lalu.

OKS didakwa mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Memperuntukkan 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd Sophian Zakaria, Suhana Mohd dan Shafiq Mahadi, manakala tertuduh diwakili Datuk Hanif Hassan.

Dalam prosiding itu, pihak pendakwaan memohon jaminan sebanyak RM2,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

"Ini adalah kes kepentingan awam membabitkan lapan mangsa. Majoriti mangsa juga adalah warga emas.

"Mereka menggunakan wang simpanan ke Tanah Suci, ada juga yang menggunakan wang peninggalan arwah suami. Bayaran dibuat oleh semua mangsa sejak Februari tahun lalu dan sepatutnya mereka menunaikan ibadah umrah pada Mac tahun lalu.

"Sebelum ini, OKS juga telah didakwa di Mahkamah Putrajaya atas 63 pertuduhan, seterusnya Mahkamah Majistret Kota Bahru atas 51 pertuduhan dan Mahkamah Majistret Seremban, 51 pertuduhan," katanya.

Bagaimanapun, Hanif memohon jaminan tidak bercagar dikenakan kerana tiada pendapatan diperoleh OKS sejak akhir-akhir ini.

"Untuk makluman, semalam (kelmarin) OKS menerima notis daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang menghalangnya daripada menjadi pengarah kepada mana-mana syarikat.

"Keadaan ini menyebabkan anak guam saya tidak mempunyai pendapatan dan akaun simpanannya turut dibekukan," katanya.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM4,000 kepada OKS dan memerintahkannya hadir untuk melapor diri setiap bulan di pejabat KPDN Putrajaya.

***Tarikh sebutan semula ditetapkan pada 22 April depan.***



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 6



SHARUDDIN (kiri) didenda RM10,000 di Mahkamah Sesyen kerana menjual barangan terkawal iaitu ayam standard melebihi harga borong maksimum yang ditetapkan.

# Didenda RM10,000 jual ayam lebihi harga maksimum

**Kuala Kangsar:** Padah menjual ayam standard melebihi harga maksimum ditetapkan pada Oktober tahun lalu, pemborong didenda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Sharuddin Saidon, 54, yang mengaku bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rohaida Ishak turut berdepan empat bulan penjara jika gagal membayar denda terbabit.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didapati menjual barangan harga terkawal iaitu ayam standard dengan harga RM8.90 sekilogram melebihi harga borong maksimum ditetapkan oleh Pengawal iaitu RM8.10 sekilogram sepertimana di bawah Perenggan 3 Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No 12) 2022 di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di premis Ewanda Maju Berkat Enterprise beralamat di Padang Rengas, di sini, antara jam 6.30 pagi hingga 7 pagi pada 14 Oktober lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18 (b) akta sama iaitu denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada 27 Oktober 2023 sepasukan pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kuala Kangsar membuat pemeriksaan terhadap sebuah premis pemborong ayam iaitu KK Saga Enterprise di Kampung Kuala Dhal, Jalan Taiping-Kuala Kangsar, Padang Rengas, di sini.

**RM8.90**
Harga yang dijual tertuduh, manakala harga borong maksimum ditetapkan iaitu RM8.10 sekilogram

Hasil pemeriksaan mendapati premis itu memproses dan menjual ayam standard secara borong selain mempunyai lesen Berniaga Menjual Borong Ayam yang masih sah hingga 10 Oktober 2025, manakala sitaan dokumen-dokumen dibuat oleh pasukan serbuan.

Hasil pemeriksaan terhadap resit jualan No 07174 bertarikh 14 Oktober 2023 mendapati premis itu menjual ayam standard pada harga RM8.90 sekilogram kepada peruncit bernama Syawal yang juga pemilik perniagaan Ewanda Maju Berkat, sementara makluman daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati KK Saga Enterprise dimiliki Sharuddin.

Sharuddin yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon dikenakan denda rendah kerana mempunyai tanggungan besar termasuk membayar pekerja, bil api serta air, selain menanggung ibu bapa dan mentua.

Pada masa sama pengakuan bersalahnya menjimatkan masa mahkamah dan hanya mampu membayar denda RM3,000.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian

TELUS & TULUS

sinarharian.com.my

HARI: RABU

TARIKH: 20/3/2024

M/SURAT: 1



KPDN LAKSANA KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN LEMON LAW

9

TIADA AMALAN 'KABEL', 46 PERATUS PELAJAR MRSM KINI GOLONGAN B40

TIBA MASA LAKSANA LEMON LAW

SIAKAP 90 SEN SEEKOR 'LICIN' DALAM TEMPOH 45 MINIT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Lindungi hak pengguna tuntut ganti rugi

## KPDN laksana Kajian Kebolehlaksanaan 'Lemon Law'

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan 'Lemon Law' bagi memperkasakan hak pengguna di negara ini untuk menuntut ganti rugi.



ARMIZAN

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia meliputi pengguna menerima kenderaan bermotor yang rosak atau gagal mematuhi standard kualiti dan prestasi seperti dijanjikan pembekal serta tidak dapat dibaiki.

"Setelah kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan langkah kerja perundangan dilaksanakan," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Lim Lip Eng (PH-Kepong)** semasa sesi pertanyaan menteri-menteri sama ada 'Lemon Law' akan diperkenalkan untuk melindungi hak pengguna dalam pembelian kenderaan baharu dan terpakai sekiranya berlaku kerosakan.

Antara remedi yang boleh dituntut oleh pengguna atau pembeli di bawah 'Lemon Law' ini ialah pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik.

Tambah Armizan, cadangan agar 'Lemon Law' tidak perlu melalui prosiding undang-undang seperti tribunal dan mahkamah agar pengguna dapat menuntut ganti rugi mereka, adalah satu opsyen yang boleh dilaksanakan.

"Apa yang dicadangkan oleh Kepong (Lip Eng) merupakan satu opsyen yang saya fikir kita boleh laksanakan sebagai tindakan segera sebelum kajian menyeluruh itu dapat dilaksanakan," jelasnya.

Ujar beliau, kajian kebolehlaksanaan yang dilaksanakan itu juga tidak bermakna kerajaan ingin memperkenalkan undang-undang baharu.

"Ia sama ada kita perkukuhkan akta perlindungan pengguna sedia ada dan kita tahu kajian ini mengambil masa.

"Kita dalam proses mempertimbangkan untuk meminda mana-mana undang-undang sedia (dan) memperkenalkan satu peraturan di bawah Akta 599 (Akta Perlindungan Pengguna 1999) untuk membolehkan proses tuntutan ini dibuat pada kadar segera.

"Setelah kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan rangka kerja perundangan dilaksanakan," katanya.

### APA ITU LEMON LAW

Lemon Law adalah satu undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi (redress) kepada pembeli kereta dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 14

# Pengarah Emraz didakwa gagal bayar tuntutan RM131,890

**JOHOR BAHRU** - Sebuah syarikat pengendali umrah dan pengarahnya didakwa di Mahkamah Majistret di sini, pada Selasa atas 16 pertuduhan gagal mematuhi perintah award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membayar balik tuntutan wang berjumlah RM131,890 kepada lapan mangsa.

Pengarahnya, Datuk Zulkarnain Endut, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nur Fatin Mohamad Farid.

Mengikut pertuduhan, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd sebagai sebuah syarikat dengan Zulkarnain, selaku orang kena saman (OKS) berdepan pertuduhan kerana gagal mematuhi award TTPM berkenaan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat TTPM di Menara Ansar, Johor Bahru di sini, antara 24 Julai tahun lalu hingga 10 Januari, tahun ini.

OKS didakwa mengikut Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diketuai Mohd Sophian Zakaria, Suhana Mohd dan Shafiq Mahadi manakala tertuduh diwakili Datuk Hanif Hassan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM4,000 kepada OKS dan dia perlu hadir untuk melaporkan diri setiap bulan di pejabat KPDN Putrajaya.

Seterusnya pada 22 April depan, ditetapkan sebagai sebutan semula kes bagi serahan dokumen dan pertuduhan ke atas seorang lagi pengarah syarikat iaitu Datin Mazuin Mustafa, 43, yang tidak dapat hadir ke Mahkamah Majistres Johor Bahru pada Selasa kerana masalah kesihatan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

The Star

HARI: RABU

TARIKH: 20/3/2024

M/SURAT: 9

# Govt mulls lemon law for consumer protection

A LEMON law to strengthen existing consumer protection laws is being explored, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said a feasibility study was being carried out, adding that having such a law in place would provide consumers with an avenue to file claims and seek legal redress if they receive defective or substandard motor vehicles that could not be repaired.

"After the study is completed, a policy decision will be made before legislative framework enhancements are implemented," he said in reply to Lim Lip Eng (PH-Kepong).

Lim had asked whether the lemon law would be introduced to protect the rights of consumers in the purchase of new and used vehicles in the event of defects.

A lemon law allows consumers to obtain compensation rights to obtain remedies for products that repeatedly break down or fail to meet quality standards.

This includes seeking a replacement for damaged vehicles, a reduction in price, or compensatory payment.

Armizan said that in Malaysia, legal provisions related to consumer redress rights against suppliers or manufacturers in cases where supplied goods fail to comply with specified warranties are enshrined in the Consumer Protection Act 1999.

Remedies that can be claimed by consumers or buyers under this lemon law include repair, replacement, price reduction or refund.

To an additional question by Lim, the minister said:

"It will take time to have a lemon law, so instead of amending existing laws, we are in the process of introducing a new regulation under the Consumer Protection Act so that it can be in place faster."

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 14

# Tidak mudah lawan jenayah *scam*



## MUKADIMAH

HAMPIR setiap hari dilaporkan berita tentang jenayah *scam* yang menelan kerugian ratusan juta ringgit.

Bagai tiada kesudahan, masyarakat dengan mudah terpedaya dengan pelbagai bentuk penipuan.

Justeru wartawan *Utusan Malaysia* **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** menemuramah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, **DATUK SERI RAMLI MOHAMED YOOSUF** bagi mendapatkan perspektifnya.

***UTUSAN MALAYSIA:*** **Adakah rakyat di negara ini mudah ditipu menerusi sindiket-sindiket pelaburan berbanding negara lain dan apakah faktor mereka mudah ditipu?**

**RAMLI:** Kalau dilihat, penipuan pelaburan merupakan antara kategori jenayah yang sedang meningkat naik, tidak hanya di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Ada beberapa faktor yang mengakibatkan seseorang menjadi mangsa penipuan pelaburan. Namun punca utama ialah pada diri sendiri dan ia tidak mempunyai perkaitan dengan kewarganegaraan atau seumpamanya.

Peningkatan kos sara hidup, inflasi dan ketidaktentuan ekonomi global menjadi sebab jenayah ini terus meningkat. Ramai individu ingin mencari pendapatan tambahan dan menyertai skim pelaburan sebabnya ia dilihat sebagai pilihan yang sesuai.

Namun, dalam keghairahan mereka untuk melabur, ramai di antaranya yang tidak memiliki ilmu pengetahuan yang mencukupi dan mengetepikan segala peraturan serta langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi.

Tawaran keuntungan yang tinggi serta pelaburan tanpa risiko menjadikan golongan ini terpesona dan seterusnya terjerumus sebagai mangsa skim penipuan pelaburan.

> "Perbezaan undang-undang antara negara menjadikan jenayah sebegini sukar untuk disiasat."

**Jumlah syarikat pelaburan yang dikenal pasti terlibat dengan penipuan setakat ini?**

Berdasarkan rekod, sepanjang 2023, sejumlah 168 syarikat dikenalpasti terlibat dengan kegiatan penipuan pelaburan.

Bagi 2024 pula, setakat ini sejumlah 17 syarikat telah dikenalpasti.

**Bagaimana rakyat boleh memahami dan mengetahui bahawa sesebuah syarikat pelaburan itu terlibat dengan aktiviti penipuan?**

Secara umumnya, ciri-ciri bagi skim pelaburan palsu ada pada empat perkara iaitu tawaran pelaburan yang terlalu tinggi, pulangan pelaburan yang terlalu cepat, tiada risiko kerugian dan menggunakan akaun persendirian bagi menerima dana pelaburan.

Selain itu, pihak JSJK telah membangunkan Portal Semakmule 2.0 yang menyenaraikan syarikat-syarikat yang terlibat dengan aktiviti *mule* akaun.

Portal ini telah dilancarkan secara rasmi pada 3 Mac 2024 yang lalu dan boleh diakses melalui pautan *https://semakmule.rmp.gov.my/*.

Antara lain, pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) juga telah pun membangunkan platform *'investment checker'* yang boleh diakses melalui *https://www.sc.com.my/investmentchecker*.

Platform ini dapat membantu orang ramai untuk membuat semakan kesahihan sesebuah syarikat pelaburan.

### EVOLUSI

**Adakah evolusi membabitkan penipuan syarikat pelaburan terus berkembang seiring dengan teknologi ?**

Ya. Berdasarkan kes yang dilaporkan dan siasatan yang dijalankan, modus operandi penipuan pelaburan berubah seiring dengan kemajuan teknologi.

Sebagai contoh, sekitar lima hingga 10 tahun yang lalu, pelaburan yang diiklankan oleh sindiket penipuan adalah berasaskan perniagaan, ternakan, perladangan dan seumpamanya.

Namun kini, pelaburan yang ditawarkan adalah berasaskan perniagaan mata wang kripto, forex dan seumpamanya.

Taktik untuk mencari mangsa juga diubah daripada penggunaan kaedah tradisional seperti penyebaran risalah dan seminar kepada iklan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Telegram, Whatsapp dan lain-lain.

**Adakah penipuan yang membabitkan syarikat pelaburan seringkali melibatkan golongan selebriti dan mereka yang berpengaruh?**

Penglibatan selebriti atau mereka yang berpengaruh dalam kegiatan penipuan pelaburan amat jarang berlaku, namun ada.

Kebanyakan mereka digunakan untuk mempromosi pelaburan tersebut tanpa mereka mengetahui bahawa skim pelaburan tersebut adalah palsu.

**Pandangan berkenaan cadangan kerajaan di Parlimen baru-baru ini yang mahu merangka akta baharu bagi mencegah jenayah siber?**

Saya menyokong penuh cadangan kerajaan untuk merangka akta baharu dalam mencegah jenayah siber.

Keputusan tersebut adalah tepat dan seiring dengan peningkatan kes-kes jenayah siber yang berlaku pada masa kini. Adalah diharapkan, akta baharu tersebut akan membantu dalam mengurangkan kes-kes jenayah siber di negara ini.

**Adakah wajar bank juga dikenakan tindakan dan dipertanggungjawab dalam apa-apa transaksi yang melibatkan jenayah siber?**

Dalam perlakuan jenayah siber, ia akan melibatkan penggunaan teknologi komunikasi (internet) yang disediakan syarikat telco dan penggunaan akaun bank yang disediakan institusi perbankan.

Justeru, dalam usaha untuk mengawal peningkatan jenayah siber di negara ini, saya percaya semua organisasi yang terlibat harus memainkan peranan dan mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Pendekatan ini telah pun digunakan oleh Kerajaan Singapura yang memperkenalkan *Shared Responsibility Framework* untuk membendung kes *'phishing scam'* di sana.

Melalui pendekatan ini, pihak institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi yang gagal melaksanakan peranan mereka dengan sewajarnya boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar kerugian yang dialami oleh mangsa.

**Adakah sukar untuk mengekang isu jenayah dalam talian dari luar negara?**

Ya, jenayah dalam talian dari luar negara akan mengakibatkan wujudnya isu jenayah rentas sempadan.

Perbezaan undang-undang antara negara menjadikan jenayah sebegini sukar untuk disiasat.

Bagaimanapun, melalui kerjasama yang terjalin antara Malaysia dan negara-negara lain, kes-kes rentas sempadan ini dapat diselesaikan serta ditangani dengan sebaiknya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Retail price of imported white rice cheaper by RM2 to RM3

**PUTRAJAYA:** The retail prices of imported white rice (BPI) will be reduced between RM2 and RM3 effective today, said the Agriculture and Food Security Ministry (KPKM).

The current retail price of BPI in the market is between RM38 to RM45 for a 10kg pack and with the announcement of the new price range, 10kg pack imported white rice will be reduced to RM35.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said in a statement yesterday that the decision was finalised through the National Action Council on Cost of Living (Naccol) to overcome the shortage of local white rice (BPT) in the market following the announcement for BPI prices by Bernas on Sept 1, 2023.

"In order to enable the people to buy rice at a reasonable price, the government through the Naccol meeting agreed to reduce the prices of BPI by RM2-RM3 in the market.

"The government remains optimistic that the initiative will be able to ease the people's cost of living during the Ramadan month and festive season," he said in a Bernama report based on the statement.

Mohamad Sabu added to increase the distribution of BPT in the market, the government has decided that all current available stock of paddy and rice that has been bought by the factories, amounting to 140,000 tonnes, can be processed and distributed for the local market.

"Therefore, KPKM will increase its enforcement through its Paddy and Rice Control Section (Kawalselia Padi dan Beras) throughout the country. In expanding the distribution network for BPT, Agro Madani Sales will be initiated by the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) and the National Farmers Organisation (LPP) on a more frequent basis," he said.

"All these efforts reflect the government's commitment to ensure food security in the country," he said.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 8

Jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek 10kg

# Harga beras putih import turun mulai hari ini

PUTRAJAYA

Harga jualan runcit beras putih import (BPI) turun antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa hari ini, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Pada masa ini harga runcit BPI di pasaran dijual sekitar RM38 hingga RM45 untuk pek 10 kilogram dan dengan pengumuman pelarasan harga baharu, jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek yang sama.


MOHAMAD

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan pada Selasa berkata, keputusan itu yang dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), dibuat bagi menangani isu kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh Bernas pada 1 September lepas.

"Sehubungan itu bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan melalui Mesyuarat NACCOL bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit BPI antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang," katanya.

Selain itu, Mohamad berkata, bagi meningkatkan pengedaran BPT di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

"Justeru, KPKM akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara.


Pada masa ini harga runcit BPI di pasaran dijual sekitar RM38 hingga RM45 untuk pek 10 kilogram dan dengan pengumuman pelarasan harga baharu, jangkaan harga runcit BPI turun ke RM35 untuk pek yang sama.

"Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program," katanya.

Menurut Mohamad, kerajaan turut bersetuju agar semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI.

Melalui kaedah itu, bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April ini.

"Kesemua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran," katanya.

Beliau berkata, dalam masa yang sama, KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pihak berkepentingan untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik.

Menurutnya ini bagi memastikan industri padi dan beras adalah mampan terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara.

"Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan Madani dalam menjaga kebajikan rakyat dan memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara," katanya. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU

TARIKH: 20/3/2024

M/SURAT: 1

## Isu kekurangan bekalan beras

# Harga beras import turun RM2-RM3

- Kerajaan umumkan harga Beras Putih Import (BPI) turun antara RM2 hingga RM3 mulai hari ini
- Semua kontrak kerajaan akan menggunakan sepenuhnya BPI membolehkan tambahan 20,000 tan Beras Putih Tempatan diedarkan di pasaran mulai April
- Pengilang diarah proses serta-merta 140,000 tan padi yang sudah dibeli untuk pasaran tempatan
- Aktiviti jualan Agro MADANI oleh FAMA dan LPP akan diperluas dari segi lokasi dan kekerapan program

*Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli* → *Nasional* 3



BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 3

# 4 inisiatif atasi isu kekurangan beras



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Ihsan Jabatan Perdana Menteri)

## Harga Beras Putih Import turun, perluas aktiviti jualan Agro MADANI antara langkah disetujui

Oleh Muhd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semalam mengumumkan empat inisiatif untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran.

Keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil 1/2024 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, semalam.

Antara keputusan dicapai, kerajaan bersetuju supaya harga jualan runcit Beras Putih Import (BPI) diturunkan antara RM2 hingga RM3 di pasaran berkuat kuasa hari ini.

"Bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, kerajaan melalui mesyuarat NACCOL bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit BPI di antara RM2 hingga RM3 di pasaran dilaksanakan berkuat kuasa pada Rabu, 20 Mac 2024.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat bantu rakyat kurangkan kos sara hidup terutamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang," kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataan petang semalam.

Kementerian itu turut mengumumkan bagi meningkatkan pengedaran Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran, kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk keperluan pasaran tempatan dengan serta merta.

Langkah lain, kerajaan turut bersetuju semua kontrak kerajaan menggunakan pakai sepenuhnya BPI, sekali gus membolehkan bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan dapat dikeluarkan sepenuhnya di pasaran mulai bulan depan.

### Jualan MADANI diperluas

Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro MADANI yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program.

KPKM memberi jaminan akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara bagi memastikan semua inisiatif diumum dilaksanakan sepenuhnya.

"Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkasakan agenda keterjaminan makanan negara.

"Semua langkah diambil dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran.

"KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur harga pengeluaran beras yang lebih realistik untuk memastikan industri padi dan beras adalah mampan.

"Ia terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara," katanya.

Utusan Malaysia
HARI: RABU
TARIKH: 20/3/2024
M/SURAT: 3

Semua stok semasa padi tempatan dipasarkan serta-merta

# Harga beras putih import diturunkan RM2 hingga RM3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan memutuskan untuk melaraskan Harga Beras Putih Import (BPI) dengan menurunkan harga jualan runcit di antara RM2 hingga RM3 di pasaran bagi pek 10 kilogram berkuat kuasa hari ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keputusan itu dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) semalam bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah.

Mesyuarat berkenaan yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Langkah itu untuk meningkatkan pengedaran beras putih tempatan (BPT) bagi menangani isu kekurangan bekalan di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh BERNAS pada 1 September 2023.

"Justeru, kementerian akan meningkatkan penguatkuasaan melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara.

"Dalam meluaskan jaringan pengedaran beras putih tempatan, aktiviti Jualan Agro Madani yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program," katanya di sini, semalam.

Pada masa sama, Mohamad berkata, kerajaan turut bersetuju agar semua kontrak kerajaan mengguna pakai sepenuhnya BPI.

Sehubungan itu, melalui kaedah ini, bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April depan.

"Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang.

"Kesemua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran," katanya.

Dalam pada itu, menurut beliau, kementeriannya juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik.

Ini bagi memastikan industri padi dan beras adalah mampan terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara.

"Keputusan ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan Madani dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 MAC 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 20-Mar | KPDN kaji kebolehlaksanaan Lemon Law | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kpdn-kaji-kebolehlaksanaan-lemon-law/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Mar | KPDN laksana kajian kebolehlaksanaan 'Lemon Law' | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071584/kpdn-laksana-kajian-kebolehlaksanaan-lemon- | HARIAN METRO |
| 20-Mar | KPDN sedia kajian kebolehlaksana 'Lemon Law' | https://www.wilayahku.com.my/kpdn-sedia-kajian- | WILAYAHKU |
| 20-Mar | Kerajaan laksana Kajian Kebolehlaksanaan Lemon Law | https://www.sinarharian.com.my/article/655343/berita/nasional/kerajaan-laksana-kajian-kebolehlaksanaan- | SINAR HARIAN |
| 20-Mar | KPDN laksana kajian kebolehlaksanaan 'Lemon Law' | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-laksana-kajian-kebolehlaksanaan-lemon-law/ | BULETIN TV3 |
| 20-Mar | Rahmah sales alleviate financial burden, says Sibuti MP | https://www.theborneopost.com/2024/03/19/pjr-alleviates-financial-burden-says-sibuti | THE BORNEO POST |
| 20-Mar | Tiga syor selesai harga padi, beras | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/tiga-syor- | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Mar | Pemborong jual ayam lebih mahal didenda RM10,000 | https://www.sinarharian.com.my/article/655323/berita/semasa/pemborong-jual-ayam-lebih-mahal-didenda- | SINAR HARIAN |
| 20-Mar | Padah jual ayam mahal, pemborong didenda RM10,000 | https://www.kosmo.com.my/2024/03/19/padah-jual-ayam-mahal-pemborong-didenda-rm10000/ | KOSMO |
| 20-Mar | Pemborong didenda RM10,000 jual ayam melebihi harga maksimum | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemborong-didenda-rm10-000-jual-ayam-melebihi-harga-maksimum-462963 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Mar | Jual ayam lebih harga maksimum, pemborong didenda RM10,000 | https://selangorkini.my/2024/03/jual-ayam-lebih-harga-maksimum-pemborong-didenda-rm10000/ | SELANGOR KINI |
| 20-Mar | Jual ayam lebih harga maksimum, pemborong didenda RM10,000 | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/19/jual-ayam-lebih-harga-maksimum-pemborong-didenda-rm10000/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 20-Mar | Pemborong didenda RM10,000 jual ayam melebihi harga maksimum | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2280461 | BERNAMA |
| 20-Mar | Pemborong didenda RM10,000 jual ayam melebihi harga maksimum | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225323/pemborong-didenda-rm10000-jual-ayam-melebihi-harga-maksimum | BERITA HARIAN |
| 20-Mar | Pemborong didenda RM10,000 jual ayam lebih mahal | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071582/pemborong-didenda-rm10000-jual-ayam-lebih-mahal | HARIAN METRO |
| 20-Mar | Pemborong didenda RM10,000 jual ayam melebihi harga maksimum | https://thesun.my/cerita/berita/pemborong-didenda-rm10000-jual-ayam-melebihi-harga-maksimum-GC12233072 | THE SUN |
| 20-Mar | Hutang isi rumah negara berjumlah RM1.53 trilion | https://www.buletintv3.my/detik-niaga/hutang-isi-rumah-negara-berjumlah-rm1-53-trilion/ | BULETIN TV3 |
| 20-Mar | Loans largest chunk of household debt, Dewan Rakyat told | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/19/loans-largest-chunk-of-household-debt-dewan-rakyat-told | THE STAR |
| 20-Mar | Malaysia's household debt hits RM1.53 trillion | https://thesun.my/local_news/malaysia-s-household-debt-hits-rm153-trillion-EC12232754 | THE SUN |
| 20-Mar | PM: Malaysia’s household debt at RM1.53 tln as of last year | https://www.theborneopost.com/2024/03/19/pm-malaysias-household-debt-at-rm1-53-tln-as-of-last-year/ | THE BORNEO POST |
| 20-Mar | Hutang isi rumah cecah RM1.53 trilion, pinjaman kediaman antara faktor | https://selangorkini.my/2024/03/hutang-isi-rumah-cecah-rm1-53-trilion-pinjaman-kediaman-antara-faktor/ | SELANGOR KINI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Mar | PM Anwar: Malaysia's household debt at RM1.53t as of last year | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/19/pm-anwar-malaysias-household-debt-at-rm153t-as-of-last-year/124218 | MALAY MAIL |
| 20-Mar | Malaysian household debt at RM1.53 trillion in 2023 | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/03/1027540/malaysian-household-debt-rm153-trillion-2023 | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Mar | Pengarah Emraz Travel didakwa 16 pertuduhan lagi | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071659/pengarah-emraz-travel-didakwa-16-pertuduhan-lagi | HARIAN METRO |
| 20-Mar | No plans to impose ceiling prices on vegetables - Fuziah | https://thesun.my/local_news/no-plans-to-impose-ceiling-prices-on-vegetables-fuziah-JC12232308 | THE SUN |
| 20-Mar | Tiada sekatan kenaikan harga sayur | https://suarasarawak.my/tiada-sekatan-kenaikan-harga-sayur/ | SUARA SARAWAK |
| 20-Mar | Penyeludup kreatif, jadikan rumah kampung pusat transit | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/penyeludup-kreatif-jadikan-rumah-kampung-pusat-transit/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Mar | Topi keledar jenama 'ARAI' tiruan disita KPDN Pulau Pinang | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/topi-keledar-jenama-arai-tiruan-disita-kpdn-pulau-pinang-462915 | ASTRO AWANI |
| 20-Mar | KPDN Pulau Pinang rampas 268 topi keledar Arai ‘copy ori’ | https://malaysiagazette.com/2024/03/19/kpdn-pulau-pinang-rampas-268-topi-keledar-arai-copy-ori/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Mar | 268 fake 'Arai' motorcycle helmets seized | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1027566/268-fake-arai-motorcycle-helmets-seized | NEW STRAITS TIMES |
| 20-Mar | Aeon lebar sayap ke Setia Alam | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/03/1071521/aeon-lebar-sayap-ke-setia-alam | HARIAN METRO |
| 20-Mar | Subsidi bersasar dijangka tak tingkatkan kos industri sedia – Hui Ying | https://www.malay.news/subsidi-bersasar-dijangka-tak-tingkatkan-kos-industri-sedia-hui-ying/ | MALAY NEWS |
| 20-Mar | RM30 juta geran padanan latihan industri TalentCorp untuk PKS dan syarikat pemula | https://www.utusansarawak.com.my/?p=50711 | UTUSAN SARAWAK |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Mar | Indikator baharu ukur tahap kos sara hidup rakyat dibangunkan - PM Anwar | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/indikator-baharu-ukur-tahap-kos-sara-hidup-rakyat-dibangunkan-pm-anwar-463083 | ASTRO AWANI |
| 20-Mar | Indikator baharu ukur tahap kos sara hidup rakyat dibangunkan - PM | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280727 | BERNAMA |
| 20-Mar | Indikator baharu ukur tahap kos sara hidup rakyat dibangunkan - PM | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071875/indikator-baharu-ukur-tahap-kos-sara-hidup-rakyat- | HARIAN METRO |
| 20-Mar | Indikator baharu ukur tahap kos sara hidup rakyat dibangunkan - PM | https://www.sinarharian.com.my/article/655476/berita/nasional/indikator-baharu-ukur-tahap-kos-sara-hidup- | SINAR HARIAN |
| 20-Mar | Indikator baharu ukur tahap kos sara hidup rakyat akan dibangunkan – PM | https://www.buletintv3.my/nasional/indikator-baharu-ukur-tahap-kos-sara-hidup-rakyat-akan-dibangunkan-pm/ | BULETIN TV3 |
| 20-Mar | Indikator baharu ukur tahap kos sara hidup rakyat dibangunkan – PM | https://themalaytribune.com/indikator-baharu-ukur-tahap-kos-sara-hidup-rakyat- | THE MALAY TRIBUNE |
| 20-Mar | Ukur kos sara hidup hingga peringkat daerah - Anwar | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225637/ukur-kos-sara-hidup-hingga | BERITA HARIAN |
| 20-Mar | Ops Pantau: KPDN Pahang periksa 1,619 premis | https://malaysiagazette.com/2024/03/19/ops-pantau-kpdn-pahang- | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Mar | Ops Pantau: KPDN Pahang ambil tindakan terhadap 4 peniaga | https://www.sinarharian.com.my/article/655372/berita/semasa/ops-pantau-kpdn-pahang-ambil-tindakan- | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Mar | Ops Pantau 2024: KPDN Pahang periksa 1,619 premis | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/ops-pantau-2024-kpdn-pahang-periksa-1619-premis/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 20-Mar | Kalimah Allah pada stoking: KPDN perlu proaktif bukan reaktif | https://malaysiagazette.com/2024/03/19/kalimah-allah-pada-stoking-kpdn-perlu-proaktif-bukan-reaktif/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Mar | Kalimah Allah pada stoking: KPDN perlu proaktif bukan reaktif | https://themalaytribune.com/kalimah-allah-pada-stoking-kpdn-perlu-proaktif-bukan-reaktif/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 20-Mar | Tiada lagi subsidi tepung gandum kegunaan am mulai tahun ini | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/03/1225629/tiada-lagi-subsidi-tepung-gandum-kegunaan-am-mulai-tahun-ini | BERITA HARIAN |
| 20-Mar | Pendekatan komprehensif tangani isu warga asing kuasai rantaian sayur - Saifuddin | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225540/pendekatan-komprehensif-tangani-isu-warga-asing-kuasai-rantaian | BERITA HARIAN |
| 20-Mar | Penguasaan warga asing dalam industri sayur perlu ditangani menyeluruh – Saifuddin | https://www.buletintv3.my/nasional/penguasaan-warga-asing-dalam-industri-sayur-perlu-ditangani-menyeluruh-saifuddin/ | BULETIN TV3 |
| 20-Mar | Boikot KK Mart: Banyak isu guris hati umat Islam | https://harakahdaily.net/index.php/2024/03/19/boikot-kk-mart-banyak-isu-guris-hati-umat-islam/ | HARAKAH DAILY |
| 20-Mar | Boikot KK Mart: Banyak isu guris hati umat Islam | https://themalaytribune.com/boikot-kk-mart-banyak-isu-guris-hati-umat-islam/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 20-Mar | Pengarah Emraz Travel tak mengaku salah gagal bayar balik tuntutan lebih RM131,000 | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1225408/pengarah-emraz-travel-tak-mengaku-salah-gagal-bayar-balik-tuntutan-lebih | BERITA HARIAN |
| 20-Mar | Pengarah Emraz didakwa di mahkamah gagal bayar tuntutan | https://www.sinarharian.com.my/article/655379/berita/semasa/pengarah-emraz-didakwa-di-mahkamah-gagal-bayar-tuntutan | SINAR HARIAN |
| 20-Mar | Emraz Travel & Tours, Pengarah didakwa gagal bayar tuntutan bakal jemaah umrah | https://malaysiagazette.com/2024/03/19/emraz-travel-tours-pengarah-didakwa-gagal-bayar-tuntutan-bakal-jemaah-umrah/ | MALAYSIA GAZETTE |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Mar | Pengarah Emraz didakwa 16 pertuduhan gagal bayar tuntutan | https://www.kosmo.com.my/2024/03/19/pengarah-emraz-didakwa-16-pertuduhan-gagal-bayar-tuntutan/ | KOSMO |
| 20-Mar | Emraz Travel & Tours, Pengarah didakwa gagal bayar tuntutan bakal jemaah umrah | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2280521 | BERNAMA |
| 20-Mar | Pengarah syarikat umrah Emraz didakwa di mahkamah gagal bayar tuntutan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengarah-syarikat-umrah-emraz-didakwa-di-mahkamah-gagal-bayar-tuntutan-462996 | ASTRO AWANI |
| 20-Mar | Pengarah Emraz Travel didakwa 16 tuduhan gagal patuhi awards TTPM | https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengarah-emraz-travel-didakwa-16-tuduhan-gagal-patuhi- | BULETIN TV3 |
| 20-Mar | Emraz Travel & Tours charged with failure to compensate Umrah pilgrims | https://thesun.my/local_news/emraz-travel-tours-charged-with-failure-to-compensate-umrah-pilgrims-EC12233878 | THE SUN |
| 20-Mar | Bazar Ramadan di Sarikei berada tahap memuaskan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/19/bazar-ramadan-di-sarikei-berada-tahap- | UTUSAN BORNEO |
| 20-Mar | Kerajaan laksana Kajian Kebolehlaksanaan Lemon Law | https://www.sinarharian.com.my/article/655376/video/berita-semasa-video/kerajaan-laksana-kajian-kebolehlaksanaan-lemon- | SINAR HARIAN |
| 20-Mar | KPDN Laksana Kajian Kebolehlaksanaan ‘Lemon Law’, Perkasa Hak Pengguna | https://sabahnews.com.my/kpdn-laksana-kajian-kebolehlaksanaan-lemon-law-perkasa-hak-pengguna/ | SABAH NEWS |
| 20-Mar | KPDN ANJUR EMPAT BAZAR RAMADAN RAHMAH DI KEDAH | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280684 | BERNAMA |